Terkena Ain.

En. Yahya Husin dari Lorong Engku Aman,

Singapura bertanya:

Saya pernah bertemu dengan setengah-setengah keluarga yang ada mempunyai anak kecil, terutama yang bayi, saya lihat di bahagian muka bayi itu, umpamanya di keningnya, mereka lumur dengan sejenis benda hitam atau celak, sehingga kelihatan muka bayi yang cantik itu menjadi hodoh. Saya hairan mengapa keluarga itu melakukan yang demikian? Setelah saya tanyakan kepada mereka, mereka jawab, ialah untuk mengelakkan bayi itu dari terkena ain. Saya tanyakan pula, apa dia ain itu? Mereka tak dapat menjawab pertanyaan saya itu dengan memuaskan, hanya mengatakan: Begitulah orang tua-tua dahulu telah buat untuk mengelakkan bayi dari terkena ain orang yang dengki, maka kami pun mengikut perbuatan mereka.

Jadi di sini saya bertanya kepada tuan, adakah perbuatan yang seperti itu ada kena-mengena dengan agama Islam? Dan adakah kepercayaan yang seperti itu tidak bertentangan dengan pengajaran agama? Harap kiranya tuan menjelaskannya.

Jawapannya:

Terlebih dahulu kami suka menerangkan kepada saudara, bahawa perkataan **ain** itu dari bahasa Arab, ertinya dalam bahasa Melayu "mata". **Orang terkena ain,** ialah orang yang semangatnya hilang disebabkan terkena oleh kekuatan **pandangan mata** dari seseorang yang telah mengkaguminya – sama ada didasarkan atas hati yang dengki atau takjub – lalu terlahirlah dari mulutnya kata-kata pujian atau sebagainya kepada orang yang dilihatnya itu sehingga dia menjadi sakit atau sebagainya. Bermakna orang yang terkena ain itu ialah, **orang yang terkena hasad oleh pandangan mata.**

Maka apa yang saudara saksikan pada keluarga yang saudara ceritakan itu ada melumur muka anak kecil mereka dengan sesuatu yang menjadikan muka bayi itu hodoh dipandang orang, tujuan mereka tak lain ialah untuk mengelakkannya dari **terkena ain**. Perbuatan mereka itu memanglah ada benarnya, kerana mereka tidak suka si bayi yang tidak berdosa itu akan menjadi korban kepada mata orang yang hasad bila melihatnya.

Berkenaan dengan perkara **terkena ain** atau "hasad mata" ini ada hubungannya dengan agama Islam. Mungkin bagi setengah-setengah pihak yang berpelajaran moden menganggapnya soal yang remeh dan siapa mempercayainya masih kolot lagi. Tetapi yang sebenarnya, ada beberapa hadith Nabi (S.A.W) yang menyentuh soal tersebut.

Di antaranya sabda Nabi (S.A.W) ***al-'aynu ḥaqq, wa law kāna shay'un sābaq al-qadara lasabaqathu al-'ayn*** ertinya: "Hasad mata itu adalah benar, jikalau ada sesuatu yang boleh mendahului takdir Allah, nescaya hasad mata itu akan mendahuluinya."

Maksud hadith ini, oleh kerana mata orang yang hasad itu terlampau kuat kesan hasadnya, seolah-olahnya, dia dapat mendahului takdir yang menimpa kepada seseorang. Pernah dalam hal ini setengah para sahabat mengatakan: "Hasad mata itu lebih menembus dari tombak."

Imam Mālik dan lainnya pula telah meriwayatkan: Bahawasanya Sahal bin Ḥanīf pada suatu ketika sedang mandi telah dilihat oleh 'Āmir bin Rabī'ah. 'Āmir kagum

melihat kehalusan kulit tubuh Sahal seraya berkata: "Demi Allah tak pernah aku melihat (tubuhnya) seperti hari ini, yang begitu halus kulitnya..." yang tujuan kata-katanya itu ialah memuji kehalusan kulit tubuh Sahal kerana melebihi kehalusan kulit wanita yang tersembunyi di sebalik bajunya...ini adalah kerana 'Āmir telah iri hati kepadanya (yang boleh dikira sebagai hasad), maka dengan sebab perbuatan 'Āmir itu Sahal bin Ḥanīf telah jatuh sakit...

Peristiwa ini telah diketahui oleh Nabi (S.A.W) lalu baginda datang menemui 'Āmir. Baginda murka kepadanya lalu bersabda ***'alāma yaqtulu aḥadukum akhāh? Allā barrakta 'alayh*** ertinya: "Atas dasar apa seseorang kaum telah membunuh saudaranya? Bukankah lebih baik kalau engkau doakan keberkatan ke atasnya?"

Jābir pula telah meriwayatkan dari Nabi (S.A.W) yang bersabda ***inna al-'ayan latudkhilu al-rajula al-qabr, wal al-jamala al-qidr.*** Ertinya: "Sesungguhnya hasad mata (ayn) itu akan memasukkan seseorang ke dalam kubur dan memasukkan unta ke dalam periuk."

Maksudnya: Hasad mata itu boleh menyebabkan kematian orang yang akibatnya dia masuk kubur, dan juga kematian unta yang akibatnya dia dimasukkan dalam periuk untuk dimasak.

Sebagaimana hasad itu terdapat **pada mata manusia,** juga terdapat pada **mata jin**. Pernah Nabi (S.A.W) pada suatu hari masuk ke rumah isterinya Umm Salamah. Didapatinya di sana ada seorang perempuan yang mukanya lebam terkena ain jin (bekas terpandang mata jin yang hasad kepadanya). Maka sabda Nabi (S.A.W) kepada isterinya itu ***istarqū lahā*** ertinya: "Jampikanlah perempuan itu."

Maksudnya: Baginda menyuruh isterinya membuatkan jampi kepada perempuan yang terkena oleh hasad mata jin, supaya mukanya yang sakit itu sembuh.

Jelaslah sudah di sini bahawa hadith-hadith yang disebutkan di atas menyatakan tentang adanya perkara "terkena ain" disebabkan hasad dari mata seseorang.

Banyak ulama yang menyatakan: bahawa sebahagian manusia memang mempunyai sesuatu keistimewaan maknawi (*khawwāṣ ma'nawiyyah*). Keistimewaan ini boleh mendatangkan kesan yang dapat dirasakan. Sudah tentu kalau orang merasa hasad akan terdapat pada dirinya sifat jahat yang berpengaruh – sekalipun yang empunya sifat itu amat baik orangnya – seperti 'Āmir bin Rabī'ah yang kisahnya disebutkan dalam hadith di atas. Dengan sifat jahat inilah diri seseorang itu terbentuk, lalu dia merasa gelisah semasa berhadapan dengan sesuatu, atau semasa menemuinya atau-pun semasa memikirkannya. Ketika itulah timbul kekuatan yang meronta-ronta terhadap apa yang dilihatnya, difikirkannya atau yang diperkatakannya sehingga kesannya membahayakan orang yang dihasadkannya. Sama ada orang yang menjadi sasarannya itu dibencinya atau disayanginya dan diharap-harapkan oleh dirinya sendiri. Pendeknya, orang mudah menjadi hasad bukan kerana benci tetapi juga kerana suka, dan bencananya pada diri seseorang akan bertambah-tambah hingga berubah menjadi kegelisahan rasa kekaguman, dan inilah daripada sebab-sebab hasad.

Pernah diceritakan: bahawa Sulaymān bin 'Abd al-Malik (anak Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwān yang akan menggantikan bapanya menjadi Khalifah Banī Umayyah) pada suatu hari dia melihat dirinya di muka sebuah cermin. Dia kagum melihat dirinya sendiri, maka terhamburlah dari mulutnya kata-kata yang diucapkannya seorang diri.

"Adalah Muḥammad itu seorang Nabi... adalah Abū Bakr itu seorang yang *siddīq*... adalah 'Umar itu bergelar *al-fārūq*..." dia terus bercakap sendiri "Dan aku adalah raja yang masih remaja. Akukah raja yang masih remaja..." Begitulah dia

cakap seterusnya. Kemudian tak lebih dari satu bulan dia pun mati setelah sakit yang diakibatkan oleh hasad dirinya sendiri semenjak dia mengkagumi akan dirinya ketika melihat di depan cermin.

Ini adalah peristiwa yang menggambarkan adanya perkara terkena ain, dan banyak lain-lain peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang sebanding dengan itu.

Umpamanya, baharu saja terpandang mata atau terkeluar kata dari seorang ibu, atau ayah atau siapa sahaja pun yang dipercayai dia tak mungkin hasad atau dengki, tetapi dengan tidak disangka-sangka pandangan matanya itu atau kata-kata yang dituturkannya dari mulut orang itu mempunyai kesan yang dahsyat terhadap kepada orang yang menjadi sasaran mata atau sasaran kata dalam tempoh yang tak berapa lama kerana tak terdaya memikulnya. Sehingga orang yang menjadi sasaran mata atau kata itu terbalik – dari sihat menjadi sakit, dari segar menjadi layu, dari gembira menjadi merana dan seterusnya.

Sekarang kita terangkan pula di sini bagaimana ikhtiar untuk menghindarkan bahaya terkena ain.

Untuk menghindarkan bahaya terkena ain, setengah ulama menyatakan: semasa Nabi (S.A.W) mengetahui tentang Sahal bin Ḥanīf terkena ain, lalu menyuruh ‘Āmir bin Rabī‘ah mendoakan sahal dengan keberkatan, kemuliaan disuruhnya ‘Āmir wuduk dan menyuruh siramkan bekas air wuduknya ke atas badan Sahal, maka sembuhlah Sahal dari sakitnya dengan izin Allah. Dari peristiwa ini pula dapat kesimpulan, bahawa ubat hasad dari pihak orang yang hasad yang hendaklah mendoakan yang baik-baik terhadap kepada orang yang dihasadkannya. Iaitu hendaklah dia wuduk atau mandi, kemudian bekas air yang digunakan untuk wuduk atau mandi itu disiramkan pula kepada orang yang terkena ain itu, mudah-mudahan bekas air yang menyirami diri orang yang hasad itu dapat menyejukkan badan orang yang dihasadkannya dan menjadi penawar baginya.

Ada pula orang berkias dari perbuatan itu, dengan membakar baju orang yang hasad itu dan asapnya dibuat berdiang oleh orang yang terkena ain, agar sembuh dari sakitnya.

Untuk menghindarkan dari bahaya terkena ain yang berupa bacaan-bacaan – setengah ulama menyebutkan: hendaklah orang yang hasad itu semasa melihat orang yang dihasadkannya membaca ***mā shā'a Allāh, lā quwwata illā billāh,*** atau membaca **al-Fātiḥah,** atau ***Qul huwa Allāh*** atau ***Qul a‘ūdhu bi rabbi al-falak***[1] atau ***Qul a‘ūdhu bi rabbi al-nās,*** atau membaca ayat-ayat al-Qur'ān, atau membaca tasbih kalau tak tahu membaca al-Qur'ān, atau berdoa dengan doa yang baik-baik untuk orang yang terkena ain itu alhasil hendaklah ia mengambil berkat dengan bacaan-bacaan yang berupa zikir kepada Allah dan menjauhkan langsung dari perasaan hasad.

Dalam hubungan ini, ada diriwayatkan: Bahawasanya pada satu masa Nabi (S.A.W) ada dihidapi sakit, lalu ditanya oleh Malaikat Jibrīl, "Adakah tuan hamba menghidapi sesuatu penyakit?" Jawab baginda "Ya." Maka Malaikat Jibrīl pun menjampinya dengan membacakan ***bi ismi Allāhi arqīka min kulli shay'in yu'dhīk, min sharri kulli nafs, aw ayni ḥāsidin, an yashfīka bi ismi Allāhi arqīka*** dengan berkat bacaan itu Nabi (S.A.W) sembuh dari sakitnya.

Dan begitulah, jika seseorang hendak menjaga dirinya dari terkena hasad atau sebarang bahaya yang ditakutkannya eloklah dia membaca ***ḥaṣantu nafsī bi al-ḥayyi al-qayyūmi alladhī lā yamūtu abadan wa rafa‘tu ‘an nafsī al-sū'a bi lā ḥawlā wa lā quwwata illā billāhi al-‘aliyyi al-‘aẓīm.*** Dan lain-lain bacaan lagi yang dipohonkan berkat untuk memadamkan sorotan mata orang yang hasad. Dan sekiranya tak tahu membaca apa-apa, mintalah tolong kepada orang yang salih dan yang baik-baik untuk menjampinya dengan bacaan-bacaan yang berkesan – sebagaimana Malaikat Jibrīl melakukannya kepada Nabi (S.A.W). *Wallāhu a'lam.*

[1] Perkataan sebenar ialah *al-falaq*.